



SAMAD Kasim bersama-sama ahli PPRNS menunjukkan surat tuntutan kenaikan harga susu segar mentah pada sidang akhbar di Shah Alam kelmarin.

PPRNS mohon kerajaan selaras harga susu segar

SHAH ALAM 22 April - Persatuan Penternak Ruminan Negeri Selangor (PPRNS) memohon agar kerajaan menyelaraskan harga susu segar mentah bagi pasaran di Lembah Klang.

Pengerusinya, Samad Kasim berkata, permohonan itu dibuat memandangkan ketika ini tiada sebarang penetapan harga dibuat terhadap hasil tenusu sehingga menyebabkan ia berbeza di kalangan penternak di negeri ini.

“Justeru, kami minta kerajaan mengambil perhatian mengenai perkara ini serta membuat satu penetapan harga yang sesuai bagi se-

tiap liter susu segar mentah untuk jualan di pasaran Lembah Klang.

“Namun, penyelarasan harga itu juga harus mengambil kira kenaikan kos penternakan yang ditanggung penternak ketika ini meliputi kos makanan, peralatan memproses, pengurusan, penghantaran dan perubahan ternakan,” katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di sini semalam.

Bagi melaksanakan penyelarasan harga susu segar mentah itu, Samad memberitahu bahawa pihaknya mencadangkan agar Kerajaan Pusat menetapkan harga sebanyak RM3 bagi setiap liter hasil berkenaan untuk

pasaran runcit manakala RM4.50 seliter bagi pasaran restoran.

Cadangan itu katanya, termasuklah menaikkan harga susu segar mentah yang dihantar ke Pusat Pengumpulan Industri Tenusu (PPIT), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) daripada RM2.20 seliter kepada kadar tetap sebanyak RM3 seliter.

“Cadangan penetapan harga itu adalah selaras dengan kenaikan kos yang ditanggung oleh para penternak ketika ini. Selain itu, ia turut memudahkan kami berurus niaga dengan PPIT dan pengusaha-pengusaha restoran,” jelasnya.